

04 DEC 2002

Mahathir-Australia/I

M'SIA MUNGKIN FIKIR SEMULA KERJASAMA ANTI-TERRORISME DENGAN AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin terpaksa memikirkan semula kerjasamanya dengan Australia dalam memerangi terrorisme jika Canberra terus menyalahkan pihak lain yang kononnya tidak bertindak sewajarnya menghapuskan gejala itu.

Perdana Menteri berkata sudah pastinya sikap kerajaan Australia itu tidak akan diterima baik dan ini akan menyebabkan negara itu sendiri rugi dalam usaha memerangi keganasan.

"Pada masa ini, kita memberi kerjasama yang terbaik dalam menentang keganasan. Tetapi jika mereka mahu menyalahkan kita, kita harus fikir semula untuk bekerjasama dengan mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat kembar Siam, Azama dan Azami Kamarulzaman, yang berjaya dipisahkan di Hospital Kuala Lumpur.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard pada Ahad lepas bahawa Australia tidak teragak-agak melancarkan serangan terhadap pengganas di negara jiran sebagai tindakan awal melindungi kepentingan rakyat Australia.

Kenyataan itu mencetuskan rasa marah negara-negara rantau ini. Semalam Howard menafikan bahawa kenyataannya itu telah menjejaskan hubungan Australia dengan jiran-jirannya.

Dalam reaksinya sebelum ini, Dr Mahathir berkata Malaysia menganggap sebarang pencerobohan oleh Australia sebagai satu tindakan perang.

Ogos lepas, Malaysia dan Australia menandatangani memorandum persefahaman mengenai langkah membanteras keganasan, dengan kedua-dua pihak melihatnya sebagai satu lagi usaha dalam meningkatkan hubungan dua hala.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat tidak semua rakyat Australia menyokong "sikap angkuh Howard" itu.

"Seperti yang anda tahu, kita tidak pernah mempunyai hubungan baik dengan dia tetapi kita mempunyai hubungan baik dengan rakyat Australia," katanya.

Perdana Menteri berkata ramai rakyat Australia kini menjalankan perniagaan di Malaysia dengan rakan kongsi mereka dari negara ini.

"Kita menghantar pelajar kita ke sana, mereka ada sekolah yang baik, guru yang baik, tetapi malangnya mereka mempunyai seorang pemimpin yang langsung tidak peka dan dia fikir dia seorang sheriff kulit putih di sesebuah negara kulit hitam," katanya.

Ketika ditanya sama ada negara-negara Asean perlu mengambil pendirian bersama terhadap Australia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu tentang sikap negara-negara Asean.

"(Tidak) semua mereka menyatakan pendirian. Filipina nyata kritikal, begitu juga Indonesia. Saya tidak tahu tentang Thailand (manakala) yang lain tidak menyatakan reaksi.

"Jadi, kita tidak dapat katakan sama ada itu adalah pendirian Asean pada masa ini," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan tetap menentang sekiranya Australia cuba mencerooboh negara ini tanpa kebenaran.

"Tak apalah, dia boleh buat keputusan dia. Dia mai negeri kita, kita tahulah apa kita nak buat," katanya.

-- BERNAMA
RZS MAM MAI